

06 SEP 2002

MAHATHIR-IAP (BERGAMBAR)

SYARIKAT KECIL BERSTATUS MSC JUGA BOLEH SUMBANG IDEA, KATA MAHATHIR

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menyambut baik usaha semua pihak termasuk syarikat kecil berstatus MSC untuk mengusulkan idea mereka dan membida kontrak bagi kemajuan inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC).

Bercakap di sidang media di mesyuarat MSC-Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) ke-6 di sini, hari ini, beliau berkata kerajaan menerima apa jua cadangan yang diusulkan walaupun daripada syarikat kecil asalkan mereka mempunyai keupayaan untuk melaksanakan idea-idea itu.

Dr Mahathir, yang merupakan pengerusi IAP, berkata syarikat-syarikat ini bebas untuk membida (kontrak) tetapi pertimbangan akan berdasarkan kepada keupayaan mereka dan kepakaran yang relevan.

"Kami menerima sebarang cadangan yang datang daripada syarikat-syarikat kecil, (tetapi) pada masa yang sama, mereka (syarikat-syarikat kecil) perlu (membida kontrak) yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Mereka berhak membida kontrak, mereka tidak dikecualikan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan pastinya akan membuat pertimbangan kepada pihak-pihak yang mempunyai keupayaan menyediakan jawapan kepada beberapa masalah yang dihadapi kerajaan sekarang.

".. dan ia bukannya soal kenal (sesiapa) kerana mereka mungkin mengenali orang yang salah," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan akan memberikan peluang yang adil kepada syarikat-syarikat kecil menyertai dan membida kontrak berkaitan MSC.

MSC terletak di kawasan seluas 750 kilometer persegi mengunjur dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang berfungsi sebagai pusat kegiatan bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Apabila ditanya mengapa terdapat sesetengah entiti perniagaan utama di Malaysia yang masih teragak-agak untuk menyokong inisiatif MSC, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menentang mereka dan malahan berusaha untuk menarik mereka menyertai inisiatif MSC.

"Ia bergantung kepada apa yang mereka (syarikat-syarikat ini) mahu lakukan. Ianya terserah kepada mereka untuk memilih, kami bukan menentang mereka, malahan kami cuba menarik mereka," katanya.

Beliau berkata banyak lagi syarikat Malaysia yang masih gagal melihat potensi teknologi maklumat (IT) dalam meningkatkan operasi perniagaan mereka.

Menurutnya, inisiatif MSC sedang bergerak lancar. Beliau mengakui akan sumbangan anggota IAP dalam menjayakan projek itu.

Mengenai kelewatan dalam melaksanakan projek-projek MSC seperti kemajuan yang perlahan dalam pembangunan projek kampung hiburan atau e-village, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mencari jalan bagi menangani isu-isu ini.

Projek e-village membentuk sebahagian daripada inisiatif MSC untuk memajukan keupayaan dalam bahagian kandungan elektronik, multimedia, pendidikan, eko-pelancongan, seni elektronik dan industri animasi.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa pemaju e-village sebelum ini tidak dapat menganggar dengan tepat berapa banyak modal yang diperlukan bagi projek itu.

Setelah separuh jalan, syarikat itu menghadapi masalah wang tunai dan tidak dapat membayar upah kontraktor, katanya.

Entertainment Village Sdn Bhd (EVSb), pemaju induk projek tersebut berdepan masalah kewangan yang menyebabkan Multimedia Development

Corporation Sdn Bhd (promoter MSC) terpaksa campur tangan dan menyalurkan pembayaran berjumlah RM31.6 juta Mac tahun ini kepada kreditor EVSB.

"Kami sedang berusaha membawa masuk pelabur lain tetapi masih terdapat masalah. Tetapi saya percaya kami akan dapat menyelesaikannya," kata Perdana Menteri.

Mesyuarat hari kedua MSC-IAP hari ini menyaksikan Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan anggota dan wakil IAP pada sesi tengah hari.

Antara topik yang diperbincangkan di mesyuarat itu adalah peranan syarikat IT dalam menyokong ekonomi sedang muncul ke arah merapatkan jurang digital, keusahawanan selepas dot com, sistem sumber terbuka, keselamatan maklumat termasuk undang-undang siber, kekebalan maklumat dan membendung kandungan internet yang negatif.

Sehingga Ogos 2002, terdapat 745 syarikat berstatus MSC termasuk 495 syarikat tempatan. -- BERNAMA

WNZ MAD FR ZK